

23/07/2000

Malaysia sedia bantu maju Selatan Filipina

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sentiasa berminat membantu membangunkan selatan Filipina tetapi ia bukan syarat pembebasan enam daripada sembilan rakyat negara ini yang ditahan di Jolo.

Sambil mengulangi penafian konon kerajaan Malaysia membayar wang tebusan bagi pembebasan itu, Perdana Menteri berkata, negara ini sebenarnya sudah membuat pelaburan di selatan Filipina sebelum ini seperti membuka ladang kelapa sawit.

Beliau tidak tahu mengenai laporan Malaysia berjanji akan membangunkan selatan Filipina sebagai tukaran bagi pembebasan tebusan itu.

"Saya tidak tahu sama ada, komitmen dibuat atau tidak. Saya perlu mengkajinya dulu...mungkin orang lain yang membuat komitmen tetapi kita memang sentiasa berminat membangunkan selatan Filipina.

"Kita sudah berbuat demikian (melabur) untuk mewujudkan peluang kerja, melabur di situ, membuka ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya. Kita sanggup untuk meningkatkan kemajuan ekonomi supaya rakyat selatan Filipina akan dapat pendapatan yang lebih dengan peluang-peluang kerja," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Puspanita di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas pembebasan empat lagi tebusan Malaysia di Jolo semalam dan laporan agensi asing yang sering menyatakan Malaysia membayar wang tebusan bagi pembebasan mereka walaupun kerap dinafikan oleh Malaysia dan kerajaan Filipina.

Empat rakyat Malaysia itu dibebaskan oleh kumpulan bersenjata di Pulau Jolo yang menculik mereka dari Pulau Sipadan, Sabah kira-kira tiga bulan lalu.

Sebelum ini, dua rakyat Malaysia dan seorang wanita Jerman dibebaskan manakala masih ada 14 lagi tebusan, tiga daripadanya rakyat Malaysia, yang masih ditahan.

Ditanya lebih lanjut mengenai pembayaran pampasan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berkuasa menahan orang lain berbuat demikian tetapi kerajaan sekali-kali tidak akan terbabit dengan sebarang pampasan.

"Kita tak ada kuasa tahan orang lain, kalau hendak bayar, itu masalah orang lain. Saya tak tahu kalau ada orang lain bayar," katanya sambil melahirkan rasa bersyukur kerana empat rakyat Malaysia dibebaskan semalam dan berharap baki tiga yang lain turut dibebaskan.

Ditanya kenapa tebusan Malaysia dibebaskan lebih awal, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

"Mereka berkata hanya orang Islam tetapi saya lihat orang bukan Islam juga sudah dibebaskan. Saya tidak tahu, ia keputusan mereka (kumpulan bersenjata). Kita harap yang lain akan dibebaskan juga," katanya.

(END)